




## POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

NO DOKUMEN	: MPM-ABMS-005
KELUARAN / PINDAAN	: 01 / 02
TARIKH KUATKUASA	: 01 OGOS 2024

DISEDIAKAN	DISEMAK	DILULUSKAN
MUHAMAD HASNIZAM BIN DAKIR, AMP.	MOHD HELMI BIN ARIFIN, PPT.	MUHAMMAD FAIZAL SHAH BIN SAFIAN SURI, PMP., AMP.
PENGARAH KANAN UNIT UNDANG – UNDANG DAN INTEGRITI	WAKIL PENGURUSAN	YANG DIPERTUA

	<b>MPM-ABMS-005</b>		
	<b>POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN</b>		
	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>	<b>PINDAAN</b>

**1.0 PENDAHULUAN**

Amalan menggunakan pihak ketiga / pengaruh luar dan memberi / menerima surat sokongan bagi maksud kepentingan peribadi telah menjadi budaya dalam masyarakat sebelum ini dan masih berterusan sehingga sukar dibendung jika tidak dikawal. Keadaan ini telah membawa kepada keadaan serba salah di kalangan warga MPM dalam membuat pertimbangan dan keputusan melibatkan urusan rasmi. Budaya ini boleh menjejaskan imej dan integriti perkhidmatan organisasi MPM melibatkan isu-isu seperti penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

**2.0 TUJUAN**

Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan Majlis Perbandaran Manjung ini diwujudkan supaya penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus Majlis dapat dilaksanakan dengan telus dan profesional tanpa campur tangan daripada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan peribadi. Pewujudan polisi ini juga telah dimasukkan sebagai salah satu inisiatif bagi strategi memperkasakan kecekapan perkhidmatan di dalam Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MPM 2021-2025.

**3.0 PEMAKAIAN**

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja yang sedang berkhidmat dengan MPM. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti MPM.

**4.0 TAKRIFAN****4.1 Pengaruh Luar**

Apa-apa bentuk tekanan / desakan sama ada secara lisan, bukan lisan atau apa-apa bentuk yang lain daripada Pemimpin Kerajaan atau Individu Berpengaruh ke atas warga MPM yang bertujuan untuk menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan.

	<b>MPM-ABMS-005</b>			
	<b>POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN</b>			
	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>	<b>PINDAAN</b>	<b>01</b>

#### **4.2 Surat Sokongan**

Apa-apa komunikasi yang disampaikan sama ada secara lisan atau bukan lisan termasuk dalam bentuk surat, memo, minit, emel, khidmat pesanan ringkas, percakapan mulut, panggilan telefon, semua medium media sosial atau bentuk-bentuk lain yang bertujuan menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan.

#### **4.1 Pemimpin Kerajaan**

Merujuk kepada tafsiran "Anggota Pentadbiran" di bawah Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

#### **4.2 Individu Berpengaruh**

Individu yang mempunyai kedudukan dalam Kerajaan atau hubungan dengan pihak-pihak berkuasa, orang kenamaan, ahli-ahli politik dan lain-lain.

#### **4.3 Warga MPM**


Semua kakitangan yang sedang berkhidmat di MPM sama ada melalui lantikan tetap, kontrak, sementara, sambilan, atau pegawai kader dan pinjaman. Warga MPM juga termasuk Ahli Majlis, Yang Dipertua, Setiausaha Perbandaran, Pengarah Kanan, Pengarah setiap jabatan dan unit.

#### **4.4 Pihak Ketiga**

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan, pemimpin masyarakat atau mana-mana pihak yang berurusan dengan MPM

#### **4.5 Urusan Rasmi**

Apa-apa urusan Kerajaan seperti perolehan, pengurusan projek dan pentadbiran kontrak, kewangan, permohonan kelulusan lesen / permit / pelan, penguatkuasaan undang-undang / peraturan, pengurusan sumber manusia, dan lain-lain hal berkaitan dengan MPM.

	<b>MPM-ABMS-005</b>			
	<b>POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN</b>			
	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>	<b>PINDAAN</b>	<b>01</b>

<b>5.0</b>	<b>PERNYATAAN DASAR</b>
------------	-------------------------

- 5.1 MPM sentiasa bersedia memberikan komitmen sepenuhnya untuk memastikan integriti, tadbir urus terbaik serta ketelusan menjadi tunjang dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan semua pihak yang berkepentingan.
- 5.2 Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, semua warga MPM adalah **dilarang** untuk :
- 5.2.1 **membawa** atau **cuba membawa** pengaruh luar atau mengemukakan apa-apa surat sokongan daripada mana-mana Pemimpin Kerajaan dan Individu Berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan.
- 5.2.2 **menggunakan** pengaruh luar atau surat sokongan sebagai **asas pertimbangan** atau **arahan** daripada Pemimpin Kerajaan dan Individu Berpengaruh dalam membuat keputusan.

<b>6.0</b>	<b>PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN</b>
------------	--

- 6.1 Dalam menguruskan pengaruh luar dan surat sokongan, warga MPM hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
- 6.1.1 sekiranya sokongan diterima secara **bertulis**, hendaklah **memfailkan** dalam fail berkaitan;
- 6.1.2 sekiranya sokongan diterima secara **lisan**, hendaklah **mencatatkan komunikasi** tersebut secara bertulis berserta maklumat pihak yang memberi sokongan dan bentuk sokongan dalam helaian minit fail yang berkaitan;
- 6.1.3 hendaklah dengan segera **melaporkan secara bertulis** sokongan yang diterima kepada Yang Dipertua atau Pengarah Kanan Unit Undang-Undang & Integriti MPM untuk arahan atau tindakan lanjut.
- 6.1.4 sekiranya atas **apa-apa sebab tertentu atau tidak praktikal** untuk melaporkan kepada Yang Dipertua atau Pengarah Kanan Unit Undang-undang dan Integriti MPM, hendaklah melaporkan **kepada agensi Kerajaan** yang berkaitan untuk tindakan lanjut.



	<b>MPM-ABMS-005</b>			
	<b>POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN</b>			
	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>	<b>PINDAAN</b>	<b>02</b>

- 6.1.5 Setelah menerima laporan Yang Dipertua atau Pengarah Kanan Unit Undang-Undang dan Integriti hendaklah mempertimbangkan tindakan-tindakan termasuk syor mengambil tindakan tatatertib atau melaporkan kepada Kerajaan Negeri atau agensi-agensi yang berkaitan.

## 7.0 PEMATUHAN

Kegagalan atau keengganan warga MPM mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Manjung (Kelakuan dan Tatatertib) 2013.

## 8.0 PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Manjung  
Jalan Pinang Raja  
32040 Seri Manjung  
Perak Darul Ridzuan  
(u.p: Unit Undang-undang dan Integriti)  
Emel: [uuui@mpm.gov.my](mailto:uuui@mpm.gov.my)  
Emel aduan integriti: [hasnizammpm@gmail.com](mailto:hasnizammpm@gmail.com)  
Telefon: 05-6898860

## 9.0 PENUTUP

Pewujudan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan ini sebagai dukungan kepada pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MPM 2021 – 2025 bagi memperkukuhkan nilai akauntabiliti dan integriti dalam menangani serta mengawal campur tangan Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh serta semua pihak yang berkepentingan dalam membuat penilaian, pertimbangan dan keputusan.